

Ujian Akhir Sesi Akademik

SKOR

100

Masa: 1 jam 30 minit

Kertas 1

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Aras Kesukuan	5 (R) : 3 (S) 2 (T)
Jumlah Markah Bahagian A, B dan C	60 markah



Bahagian A
[15 markah]

Soalan 1 - 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Setiap pagi, Syakir _____ motosikal ke tempat kerja sejauh lima belas kilometer.
- A menuntun
 - B membawa
 - C menunggang
 - D membonceng

Konteks: Morfologi - Kata Kerja Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa - Kosa Kata Aras: R

- 2 Cerita dongeng biasanya akan _____ untuk menghidupkan watak dan jalan ceritanya.
- A ditokok tambah
 - B dibolak-balikkan
 - C didolak-dalikkan
 - D dibesar-besarkan

Konteks: Morfologi - Kata Kerja Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa - Kosa Kata Aras: R

Soalan 3 - 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Kulit nenek *berkedut* kerana usianya yang sudah lanjut.
II Kain baju yang tidak berlipat itu *berkedut* seribu dan perlu digosok.
III Dokumen penting itu telah *berkedut* kerana direnyukkan oleh adik sebentar tadi.
IV Bunga ros yang dibeli oleh kakak *berkedut* kerana dilanggar orang semasa menaiki bas.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Konteks: Morfologi - Kata Kerja Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa - Tatabahasa Aras: S

- 4 I Ibu memarahi Zahirah kerana banyak *kesan* tapak kaki di dalam rumah itu.
 II Kebersihan kelas akan memberikan *kesan* yang baik kepada proses pembelajaran.
 III Deklamasi sajak yang disampaikan oleh murid itu memberikan *kesan* yang mendalam kepada penonton.
 IV Kerajaan akan meneruskan langkah dan tindakan yang *kesan* untuk menarik para pelabur.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Konteks: Morfologi – Kata Nama Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa Aras: S

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Sebelum Shafie melangkah masuk dewan, seorang pengawal keselamatan telah memberikan sebungkus kotak kepadanya.
 A melangkah memasukkan dewan
 B melangkahi masuk ke dewan
 C melangkah masuk ke dewan
 D melangkah masuk dewan

Konteks: Morfologi – Pelbagai Frasa Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa Aras: R

- 6 Wanita yang berdiri sebelah kakak itu sedang melihat gelagat kami.
 A berdiri di sebelah kakak sana
 B berdiri di sebelah kakak itu
 C berdiri sebelah kakak sana
 D berdiri sebelah kakak itu

Konteks: Morfologi – Pelbagai Frasa Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa Aras: R

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Sejak semalam, Encik Salleh asyik memikirkan tentang persekolahan anak-anaknya.
 II Jangankan hendak berbual, memandang mukanya pun saya tidak mahu.
 III Daripada awak membeli barang-barang di pasar raya, lebih baik awak membelinya di koperasi sekolah kita.
 IV "Semakin banyak engkau berzakat, semakin bertambah rezeki yang engkau dapat," nasihat ibu kepada abang.
 A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Konteks: Sintaksis – Tatabahasa Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa Aras: T

- 8 I Nama bapa saudara awak Haji Irfan bin Mahadir?
 II Semalam awak tidak hadir ke sekolah mengapa?
 III Siapakah nama anak perempuan Encik Saif yang menjadi doktor itu?
 IV Apakah nama guru yang mengajar Matematik di kelas Tingkatan Tiga Amanah?
 A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Konteks: Sintaksis – Tatabahasa Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa Aras: T

Soalan 9


Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang bercetak tebal.

- 9 Punca pencarian utama penduduk kampung itu sebahagian besarnya adalah dengan menangkap ikan.
- A Sumber pendapatan penduduk kampung itu bergantung pada kerja-kerja menangkap ikan.
 - B Pekerjaan menangkap ikan merupakan sebahagian besar daripada sumber pendapatan penduduk kampung itu.
 - C Menangkap ikan dapat dijadikan sebagai sara hidup bagi sebahagian besar penduduk kampung itu.
 - D Banyak penduduk kampung itu bekerja sebagai nelayan untuk mencari sumber pendapatan.

Konteks: Sintaksis – Struktur Ayat Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Tatabahasa Aras: R

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.



- 10 Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi perbualan di atas.

- A Si kudung mendapat cincin
- B Pucuk dicita, ulam mendatang
- C Orang mengantuk disorongkan bantal
- D Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

Konteks: Peribahasa Konstruk: Pengetahuan Sistem Bahasa – Peribahasa Aras: S